

# Masalah Kegagalan dan Kelewatan Pengagihan Harta Pusaka di Malaysia

Rusnadewi Abdul Rashid (Dr)\*, Noor Inayah Yaakub (Prof Madya, Dr)  
Law Lecturer,  
Fakulti Undang-undang UiTM, 02600 Arau, Perlis.  
Tel (604)9882867 E-mail: rusnadewi@perlis.uitm.edu.my

OR

Noor Inayah Yaakub (Prof Madya, Dr)  
Deputy Dean (Research, Innovation & Commercialisation),  
Graduate School of Business, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43650, Bangi, Selangor.  
Tel (603)89214483 E-mail: nooryaakub@yahoo.co.uk

## Abstrak

*Kelewatan serta kegagalan permohonan bagi menyelesaikan pembahagian harta pusaka bukanlah satu fenomena terpercil dalam masyarakat kita. Faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini adalah berikutan daripada sikap pewaris serta proses pentadbiran harta pusaka di negara ini. Risiko kepada kegagalan penyelesaian harta pusaka yang dikemukakan ini sebenarnya boleh mengundang pelbagai implikasi buruk dari sudut undang-undang, ekonomi, agama dan sosial. Meneliti beberapa kesan negatif yang bakal dihadapi natijah daripada kegagalan dan kelewatan pembahagian harta pusaka selepas kematian, adalah perlu kepada masyarakat untuk mengatur perancangan awal bagi menguruskan harta. Walau bagaimanapun, hasil penelitian menunjukkan masyarakat di negara ini kurang mempunyai kecenderungan untuk membuat perancangan pengagihan harta secara teliti terutamanya dalam membuat perancangan awal. Kesan daripada itu, mereka telah bergantung sepenuhnya kepada sistem pewarisan harta selepas kematian iaitu pembahagian secara farāid. Oleh yang demikian, persepsi masyarakat yang berpandangan bahawa perancangan awal pengagihan harta tidak diperlukan sama sekali memandangkan harta boleh diagihkan melalui sistem farāid sewajarnya dikikis. Sebaliknya, perancangan pengagihan harta semasa hidup seperti pemberian melalui hibah dan wasiat perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan masalah tersebut kerana ia jelas merugikan masyarakat Islam.*

*Kata Kunci: farāid, pusaka, hibah, pengagihan harta.*

## Pengenalan

Walaupun konsep pengurusan harta telah diiktiraf dalam Islam dan mempunyai manfaat dan tujuan kebaikan, namun malangnya, masih ramai di kalangan masyarakat di negara ini yang dilihat masih kurang berminat untuk membuat perancangan rapi, terutamanya dari sudut persiapan pengagihan harta sebelum mereka meninggal dunia. Masalah ini timbul berikutan ramai yang tidak menyedari tentang keperluan dan kepentingan untuk membuat perancangan awal pengagihan harta.

Menurut statistik pada tahun 2006, dianggarkan lebih sejuta kes tuntutan harta pusaka di Malaysia yang nilainya mencecah RM 38 billion masih lagi tertunggak kerana tidak diuruskan oleh pihak pewaris.<sup>1</sup> Kebanyakan kes tersebut iaitu hampir 90 peratus daripadanya melibatkan

harta milik orang Islam.<sup>2</sup> Walau bagaimanapun, jumlah tersebut telah meningkat kepada nilai yang mencecah RM 40 bilion pada awal tahun 2007 dan jumlah ini melibatkan lebih daripada satu juta kes pembahagian pusaka yang masih belum diselesaikan.<sup>3</sup> Daripada jumlah itu, sebanyak 38 bilion harta pusaka dalam bentuk hartanah, RM 1.5 bilion berupa wang tunai, dan RM 70 juta daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).<sup>4</sup> Terbaru, statistik pada tahun 2010 juga menunjukkan anggaran jumlah 40 bilion harta milik lebih 500,000 waris dari kalangan umat Islam masih belum dapat dicairkan.<sup>5</sup>

Penemuan fakta ini sebenarnya telah membuktikan bahawa terdapat terlalu banyak harta terutamanya tanah-tanah yang pemiliknya telah lama meninggal dunia dibiarkan tanpa sebarang tindakan penurunan hakmilik kepada waris-waris yang sah, sehinggakan ada kalanya waris-waris sendiri tidak mengetahui tentang kewujudan harta terbabit. Pengabaian urusan pembahagian dan pentadbiran harta pusaka telah menjadi satu masalah yang besar kepada negara dan mendapat perhatian daripada pemimpin-pemimpin tertinggi<sup>6</sup> serta dibawa kepada perbincangan oleh ahli-ahli parlimen. Sebagai contoh, Ismail bin Mohamed Said, ahli Parlimen Kuala Krau dalam perbahasannya<sup>7</sup> telah menyentuh tentang isu tanah-tanah terbiar yang melibatkan sejumlah RM900 ribu hakmilik pusaka yang masih lagi belum dapat diselesaikan. Beliau juga melahirkan kerisauan apabila mendapati nilai pasaran Tanah Rizab Melayu sejumlah RM38 bilion tidak dapat diselesaikan akibat daripada kegagalan dan kelewatan menyelesaikan tanah-tanah pusaka yang sudah pasti mendatangkan kerugian kepada orang Melayu.

Pengabaian urusan pembahagian dan pentadbiran harta pusaka ini sebenarnya boleh dianggap sebagai satu gejala yang tidak baik kerana ia berupaya mencetuskan beberapa permasalahan yang amat merumitkan. Akibat daripada itu, pelbagai masalah timbul seperti yang sering dilihat melalui kes-kes pemilikan beramai-ramai, tuntutan bertindih, harta terbiar tanpa diurus, kesulitan proses perbicaraan dalam pembahagian harta si mati dan risiko kehilangan dokumen hakmilik si mati. Tambah menyulitkan apabila terjadi perbalahan dan perebutan harta di kalangan waris generasi bawahan seperti cucu-cicit yang seringkali timbul terutamanya apabila nilai harta meningkat berlipat ganda.

Fenomena kegagalan penyelesaian harta pusaka yang berlaku ini antaranya berpunca daripada sikap masyarakat yang sering beranggapan bahawa perancangan awal pengagihan harta adalah tidak diperlukan sama sekali memandangkan ia boleh diagihkan mengikut hukum *farāid* selepas kematian seseorang. Ini terbukti dengan kenyataan oleh Pengerusi Amanah Raya, Datuk Dusuki Ahmad, yang menegaskan bahawa tanggapan sebahagian besar orang Islam bahawa pengurusan harta boleh diselesaikan melalui hukum *farāid* adalah antara punca utama berlakunya kelewatan pembahagian harta pusaka.<sup>8</sup> Sehubungan itu, kesedaran tentang betapa pentingnya membuat perancangan awal mengenai pengagihan harta sebelum meninggal dunia adalah amat penting supaya para waris tidak menghadapi masalah menguruskan pembahagian harta peninggalan tersebut.<sup>9</sup> Tidak dapat dinafikan bahawa hukum *farāid* sememangnya sudah digariskan dalam Islam sebagai suatu cara pembahagian harta pusaka si mati,<sup>10</sup> namun sebenarnya secara praktikalnya, pelaksanaan hukum ini tidaklah semudah yang disangkakan. Ini adalah kerana proses penyelesaian pusaka yang dibuat biasanya akan memakan masa<sup>11</sup> kerana melibatkan proses di beberapa badan tertentu serta memerlukan komitmen yang tinggi bagi waris-waris untuk menguruskannya. Justeru itu, pengurusan harta peninggalan sering mengalami

kesulitan dan berhadapan dengan kesukaran untuk diagihkan kepada waris-waris yang sepatutnya.<sup>12</sup>

## **SEBAB-SEBAB PENGABAIAAN DAN KELEWATAN PENGAGIHAN HARTA PUSAKA**

Pengabaian pengagihan harta yang dilihat semakin serius terutamanya di kalangan orang Melayu adalah disebabkan beberapa faktor iaitu salah satunya kerana sikap waris yang tidak mengambil berat serta kurang berpengetahuan dalam bidang tersebut. Selain daripada itu, penulis juga mendapati bahawa wujud masalah dari segi pentadbiran yang sukar diatasi terutamanya tentang isu kelewatan proses dan ketidakadilan.

### 1) Sikap dan kejahilan waris

Antara penyebab yang dikatakan menjurus kepada pengabaian terhadap harta pusaka peninggalan adalah kerana kejahilan masyarakat atau waris-waris dalam soal pembahagian harta pusaka. Sebahagian daripada masyarakat pula bersikap tidak prihatin dan menganggap bahawa tugas untuk menyelesaikan harta pusaka ini merupakan suatu tugas yang remeh.<sup>13</sup> Ada kalanya pula, mereka bertindak menyerahkan tugas ini hanya kepada anak sulung yang dikatakan mempunyai tanggungjawab membuat permohonan. Malah pandangan serong masyarakat kononnya berpendapat bahawa tidak wajar untuk mempercepatkan pembahagian harta untuk mengelakkan disalah tafsir sebagai tidak menghormati pemilik harta yang baru meninggal dunia juga boleh menyekat proses pembahagian harta pusaka dibuat dengan segera.<sup>14</sup> Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian masyarakat terutamanya di kalangan orang Melayu menganggap isu harta pusaka sebagai sesuatu yang amat sensitif untuk dibicarakan. Keadaan seumpama ini secara tidak langsung telah menghalang usaha murni waris-waris yang mempunyai pemahaman dan kesedaran berkenaan perkara tersebut untuk melaksanakan tugas pembahagian harta.<sup>15</sup> Selebihnya, amat malang sekali apabila mereka dilabel sebagai orang yang tamak dan gilakan harta si mati sehingga timbulnya perselisihan dan pertelingkahan di kalangan ahli keluarga.

Hasil kajian fakta yang dijalankan mendapati bahawa terdapat banyak harta pusaka yang belum dibuat permohonan untuk pembahagian dan sesetengahnya melibatkan kematian yang terlalu lama.<sup>16</sup> Malahan ada kes-kes penyelesaian harta pusaka yang memakan masa puluhan tahun untuk diselesaikan.<sup>17</sup> Ada kes yang di antaranya enggan dipohon, di atas sebab-sebab tertentu seperti yang dijelaskan oleh Hakim Dato' Abdul Hamid bin Haji Mohamad seperti berikut:

*This failure or neglect to take out letters of administration can be understood in the socio-economic context of the Malays. First, the land is too small and the beneficiaries too many. It is too troublesome, costly by their standards and not worth their while to assemble all the beneficiaries, get their consent, make the application and go through the whole process when, in the end, each person may only get a small fraction of the land.*

*Secondly, it is their inaptitude. So long as there is no dispute among them, nobody will take the initiative to do anything.*<sup>18</sup>

Dalam situasi yang lain, terdapat sebahagian kes pula yang telah dipohon namun ditinggalkan separuh jalan apabila pemohon menghadapi pelbagai masalah untuk meneruskan permohonan. Sebagai bukti bagi menjelaskan fenomena ini, Abdullah bin Muhamad, Pengarah Seksyen Pembahagian Pusaka dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan berkongsi pengalaman keterlibatannya di dalam projek-projek besar oleh pihak kerajaan. Menurut beliau, daripada jumlah kes pengambilan tanah oleh pihak kerajaan, secara keseluruhannya telah menunjukkan antara 10 hingga 20 peratus daripada pemilik-pemilik lot-lot terbabit telahpun meninggal dunia.<sup>19</sup> Angka ini didapati lebih ketara pada tanah-tanah pertanian di luar-luar bandar berbanding dengan tanah-tanah yang terdapat di bandar.<sup>20</sup> Kajian yang dibuat terhadap hakmilik yang terlibat dengan kematian menunjukkan bahawa sesetengah pemilik tanah telah terlalu lama meninggal dunia iaitu ada di antaranya yang telah meninggal sebelum era pemerintahan Jepun lagi.<sup>21</sup> Beliau turut menambah bahawa perangkaan yang dibuat berdasarkan jumlah hakmilik yang ada di seluruh negara iaitu yang berjumlah melebihi 6 juta, sekurang-kurangnya sebanyak 1 juta telah dianggarkan sebagai hakmilik tanah yang masih belum dibuat permohonan harta pusaka.<sup>22</sup>

Oleh yang demikian, merujuk kepada fakta-fakta yang telah disebutkan di atas, adalah amat jelas bahawa nilai harta pusaka yang belum selesai proses pengagihannya adalah amat tinggi. Adalah tidak mustahil jumlah tersebut akan meningkat dan terus meningkat jika tiada kesedaran tentang cara pengurusan harta yang lebih baik serta sistematik dipraktikkan dan diperluaskan. Sehubungan itu, penulis ingin menyarankan agar perancangan awal pengurusan harta perlu dibuat semasa hayat seseorang bagi mengelakkan masalah-masalah yang bakal timbul.

## 2) Masyarakat kurang kefahaman terhadap konsep sebenar pewarisan harta secara *farāid*

Berlandaskan kepada matlamat keadilan dalam pembahagian harta, pembahagian harta secara *farāid* sebenarnya tidak perlu ditafsirkan dengan terlalu *rigid* dan mengekang. Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu sendiri telah menyempitkan pemakaian hukum pembahagian harta secara *farāid* sehingga mengakibatkan pelaksanaannya menjadi tidak praktikal. Hakikatnya, jelas bahawa masyarakat masih kurang memahami tentang konsep pembahagian harta secara *farāid* dalam Islam.<sup>23</sup> Pembahagian hak kepada waris-waris yang berhak melalui pemahaman hukum ini secara literal telah menjurus kepada masalah pemecahan tanah pusaka kepada bahagian-bahagian yang kecil sehingga menjadikannya kurang bernilai serta tidak mempunyai potensi untuk dibangunkan. Pembahagian menurut hukum *farāid* sebenarnya adalah semata-mata untuk menentukan habuan dan hak seseorang ahli waris dan bukannya satu perintah untuk pembahagian tanah sehingga menyebabkan pemecahan harta pusaka secara fizikal.<sup>24</sup> Malah penentuan dalam pembahagian yang ditetapkan dalam hukum *farāid* tersebut tidak menyatakan bahawa harta pusaka itu perlu dibahagikan satu persatu antara kesemua ahli-ahli waris mengikut bahagian masing-masing.<sup>25</sup> Sebagai contoh, sebidang tanah yang berkeluasan satu ekar tidak perlu dibahagikan kepada kesemua sepuluh orang ahli waris apabila wujudnya tanah lain. Ini memandangkan tanah yang lain boleh diletakkan nama pewaris yang lain agar

pemilikan tanah tersebut boleh menjadi lebih luas, bernilai dan mempunyai potensi cerah untuk dibangunkan serta dimajukan.

Keadaan menjadi bertambah buruk dengan kewujudan peruntukan undang-undang tanah negara yang membenarkan tanah yang diwarisi secara pusaka boleh didaftarkan di atas ramai penama sebagai pemunya tanah yang kecil dalam satu hakmilik seterusnya membolehkan mereka membuat urusan terhadap tanah tersebut.<sup>26</sup> Pemecahan hakmilik tanah yang kecil ini telah mengakibatkan nilainya menjadi rendah dan sukar dikomersialkan. Menurut Islam, ahli-ahli waris berhak untuk bertolak ansur untuk mengenyepikan sama sekali pembahagian bagi meletakkan kesemua nama ahli-ahli waris dalam kesemua bidang tanah pusaka dan bersetuju membahagikan menurut cara yang lebih sesuai dengan keadaan harta yang ada dan keperluan masing-masing.<sup>27</sup> Bahkan menurut peraturan '*al-takhāruj*' atau penarikan diri dari harta pusaka, adalah dibolehkan seseorang ahli waris itu untuk menarik diri sama ada daripada mendapat semua bahagian dalam harta pusaka atau sebahagian daripadanya.<sup>28</sup> Penarikan diri itu boleh dibuat tanpa syarat bayaran gantirugi atau dengan syarat balasan yang lain. Oleh yang demikian, pemecahan harta pusaka kepada lot-lot kecil yang kurang memberi nilai dan manfaat dapat dihindarkan. Walau bagaimanapun, konsep '*al-takhāruj*' ini dilihat amat kurang diamalkan malah masyarakat masih lagi dikongkong oleh cara pembahagian yang ditafsir secara sempit.

- 3) Kewujudan pelbagai bidang kuasa dalam pentadbiran harta pusaka di Malaysia yang boleh mengelirukan masyarakat

Pentadbiran harta pusaka di Malaysia perlu dilihat bagi memastikan urusan tadbir yang dilaksanakan adalah selaras dengan kehendak Islam dan bagi kepentingan masyarakat terutamanya orang Islam dan juga negara. Ini adalah kerana timbul suara-suara yang mempertikaikan kewibawaan sistem pentadbiran harta pusaka di Malaysia yang dikatakan kurang berkesan sehingga mengakibatkan tunggakan harta pusaka yang berjumlah puluhan bilion ringgit.

Islam telah menetapkan bahawa harta pusaka hendaklah dibahagikan kepada waris-waris yang berhak menurut hukum *farāid*. Walau bagaimanapun, al-Qur'an melalui ayat-ayatnya<sup>29</sup> tidak menetapkan satu cara atau kaedah yang khusus tentang bagaimana harta pusaka tersebut perlu diurus dan ditadbirkan. Oleh yang demikian, pengurusan dan pentadbiran harta pusaka di negara ini telah dipengaruhi oleh adat dan perundangan yang diguna pakai di Malaysia yang terbahagi kepada dua peringkat. Peringkat pertama bermula sebelum Perang Dunia Kedua di mana pentadbiran harta pusaka orang-orang Islam di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu seperti Kelantan, Trengganu, Johor, Kedah dan Perlis diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam atau Mahkamah Syariah negeri masing-masing.<sup>30</sup> Walau bagaimanapun, pentadbiran harta pusaka selepas itu kemudiannya telah dikendalikan di peringkat persekutuan kerana urusan pembahagian pusaka berwasiat dan tak berwasiat serta urusan surat kuasa tadbir diletakkan di bawah Senarai 1 Jadual Kesembilan, Senarai Persekutuan. Sungguhpun demikian, kadar pembahagian pusaka orang-orang Islam dan penentuan waris-waris sama ada berhak ataupun tidak akan diputuskan dan dikeluarkan di Mahkamah Syariah dalam bentuk Sijil *Farāid* atau Perakuan Ahli Waris.

Secara umum, harta pusaka boleh dikategorikan kepada tiga jenis iaitu pusaka besar, pusaka kecil dan pusaka ringkas. Pembahagian harta pusaka kepada tiga jenis tersebut adalah berdasarkan kepada nilai harta yang ditinggalkan oleh si mati dan sama ada si mati ada meninggalkan wasiat atau tidak. Begitu juga, undang-undang yang diguna pakai dalam pentadbiran ketiga-tiga jenis harta pusaka itu adalah berbeza.

Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 merupakan satu akta yang diguna pakai kepada semua tuntutan harta pusaka alih dan tidak alih yang mana jumlah nilainya tidak melebihi RM 2 juta pada tarikh permohonan dibuat. Permohonan pembahagian harta pusaka kecil boleh dibuat di hadapan Pegawai Penyelesai Pusaka di Pejabat Tanah Jajahan atau Pejabat Daerah negeri-negeri di Malaysia.<sup>31</sup>

Harta pusaka besar ialah harta pusaka yang jumlah nilainya lebih daripada RM 2 juta sama ada terdiri daripada harta alih semuanya atau harta tak alih semuanya atau terdiri dari campuran harta alih dengan harta tak alih, atau harta pusaka yang jumlah nilainya kurang daripada RM 2 juta tetapi si mati ada meninggalkan wasiat.<sup>32</sup> Undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran harta pusaka besar pula ialah Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Akta ini memperuntukkan cara-cara untuk mendapatkan Surat Kuasa Probet atau Surat Kuasa Tadbir, di mana permohonan hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Sivil. Walau bagaimanapun, urusan pembahagian harta pusaka dalam menentukan bahagian *farāid* diuruskan oleh Mahkamah Syariah.<sup>33</sup>

Sehubungan itu, pada pandangan penulis, kewujudan berbagai-bagai bidang kuasa ini secara tidak langsung telah menyebabkan telah timbul masalah yang menyulitkan dan mengelirukan orang awam terutamanya apabila berurusan. Masalah semakin ketara apabila melibatkan mereka yang tinggal di pedalaman<sup>34</sup> dan mempunyai pengetahuan serta maklumat yang terbatas oleh kerana kurang pendedahan terutama melalui media massa dan elektronik. Oleh yang demikian, sistem pengurusan dan permohonan harta pusaka menjadi kurang berkesan kerana orang ramai kadangkala terkeliru mengenai tempat di mana mereka harus memulakan permohonan. Kesukaran ini boleh mengakibatkan hilang motivasi untuk membuat pengagihan harta pusaka.

#### 4) Kelewatan proses dalam pengurusan harta pusaka

Bagi sesuatu kes berkaitan harta pusaka besar, ia perlu ditadbirkan sebelum dapat dibahagi-bahagikan kepada waris-waris yang berhak. Pentadbiran harta pusaka besar adalah bertujuan untuk mengumpul semua harta peninggalan si mati, mengenalpasti hutang-hutang dan lain-lain tanggungan serta wasiat si mati. Sehubungan dengan pelbagai urusan yang perlu diselesaikan semasa proses pembahagian dibuat, urusan penyelesaian menjadi rumit dan mengambil masa yang agak panjang. Tambahan pula, selaras dengan peredaran masa, kategori harta pusaka kini lebih luas kerana merangkumi harta-harta selain daripada tanah, barang kemas dan wang simpanan iaitu seperti saham-saham,<sup>35</sup> polisi insuran dan takaful serta lain-lain jenis harta yang tidak pernah wujud pada masa yang lalu. Selain daripada itu, antara faktor yang mengakibatkan kelewatan proses pengagihan harta pusaka di Pejabat Tanah adalah kerana ketidakhadiran waris semasa perbincangan dijalankan serta pemohon atau waris tidak dapat dikesan melalui alamat yang diberikan di dalam borang permohonan.<sup>36</sup>

Selain daripada sebab-sebab tersebut, maklumat-maklumat yang dikemukakan di dalam permohonan juga kadangkala tidak lengkap bagi membolehkan perintah pembahagian harta dikeluarkan.<sup>37</sup> Malah, ada juga kes yang terpaksa ditangguhkan kerana pemohon gagal mengemukakan perakuan *farāid* kerana tidak membuat permohonan dari Mahkamah Syariah ataupun pihak mahkamah lewat mengeluarkannya. Pengagihan harta secara *farāid* juga akan menghadapi masalah apabila harta yang dituntut tidak jelas dari segi pemilikannya atau bercampur aduk dengan harta orang lain. Kenyataan ini diakui oleh Datuk Dusuki Ahmad selaku pengerusi Amanah Raya Berhad yang berpendapat bahawa sistem *farāid* hanya boleh menyelesaikan pembahagian harta pusaka apabila semua harta berada dalam keadaan nyata, tidak tersembunyi, tidak bertindih dan jelas pemilikannya.<sup>38</sup> Setakat tahun 2005 sahaja, 20,987 kes tuntutan harta pusaka yang berusia lebih 10 tahun masih gagal diselesaikan.<sup>39</sup> Malah, amat mengejutkan apabila ada kes yang telah direkodkan di Mahkamah Tinggi Pahang di hadapan Hakim Datuk Mohamed Apandi Ali berkaitan tuntutan harta pusaka yang mengambil masa selama 50 tahun untuk diselesaikan.<sup>40</sup> Penangguhan penyelesaian kes pewarisan harta secara *farāid* ini jelas akan merugikan masyarakat dari sudut ekonomi.

Masalah-masalah lain yang dihadapi dalam permohonan pembahagian harta pusaka ialah seperti waris tidak dapat mengeluarkan bukti kematian si mati. Ini berlaku apabila sesuatu kematian tidak didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara dan mengakibatkan sijil perakuan kematian gagal dikeluarkan.<sup>41</sup> Selain daripada itu, fenomena kematian berlapis akibat pengabaian menyelesaikan harta pusaka nenek moyang juga boleh menyulitkan proses pembahagian dibuat.<sup>42</sup> Situasi sedemikian seterusnya akan mendatangkan kesukaran bagi mengenalpasi waris yang berhak dan perkara ini dikatakan turut menyumbang ke arah kelewatan proses.<sup>43</sup> Akibat daripada itu, proses pembahagian tidak dapat dijalankan dengan lancar dan sempurna.

Tambahan lagi, faktor kos perbelanjaan pentadbiran pusaka yang tinggi, pengeluaran surat kuasa oleh mahkamah, pakatan antara waris-waris yang juga memerlukan kelulusan mahkamah serta pelbagai kerenah lain<sup>44</sup> juga dikatakan boleh membantutkan usaha pembahagian harta yang seterusnya mengakibatkan kerugian kepada masyarakat sendiri.

##### 5) Kelemahan sistem pentadbiran harta pusaka

Umum sudah mengetahui bahawa asas kepada hukum *farāid* adalah bagi mencapai maksud keadilan<sup>45</sup> dan fakta tersebut memang tidak dapat disangkal lagi. Oleh yang demikian, penulis tidak bermaksud untuk membahaskan tentang kebaikan hukum *farāid* yang telah dianjurkan dalam Islam kerana penulis amat yakin dan percaya bahawa pensyariatan *farāid* mempunyai hikmah yang tersendiri. Sebaliknya, perbincangan yang akan dibuat hanyalah bertujuan melihat tentang aspek kelemahan proses pentadbiran yang dijalankan oleh badan-badan yang bertanggungjawab menguruskan pembahagian harta secara *farāid* sahaja. Ini memandangkan cara pelaksanaan dan pentadbiran pengurusan harta pusaka di negara kita dilihat mempunyai kelemahan tertentu. Pendapat ini sejajar dengan pandangan YAA Hakim Abdul Hamid dalam tulisannya<sup>46</sup> yang menyatakan seperti bahawa '*Even God's law, if not properly administered, will lead to injustice.*'

Proses pengurusan harta secara *farāid* kadangkala bukan merupakan suatu penyelesaian harta yang tepat dalam keadaan tertentu kerana terdapat kemungkinan di mana fakta-fakta yang dikemukakan adalah tidak tepat. Kemungkinan terdapat ahli waris yang tidak dimasukkan ke dalam senarai waris.<sup>47</sup> Ini berikutan prosedur untuk pemeriksaan yang jelas seperti perbicaraan pusaka di Pejabat Tanah dan Galian juga kadangkala tidak dijalankan. Dalam hal ini, ia sememangnya akan mengakibatkan ketidakadilan dalam agihan *farāid* yang ditentukan oleh pihak hakim.<sup>48</sup> Oleh itu, sistem pentadbiran bagi pelaksanaan *farāid* secara tidak betul juga boleh menimbulkan masalah kerana mungkin sebahagian waris sahaja yang dapat merasai faedahnya, namun sebahagian besar yang lain terus bertelagah. Justeru itu, pertengkaran dan perebutan masih boleh terus berlaku secara berpanjangan melampaui masa dan generasi keluarga. Sehubungan fenomena tersebut, terdapat kritikan terhadap prosedur pengeluaran Sijil *Farāid* yang disuarakan oleh YAA Dato' Abdul Hamid Mohammad (bekas Ketua Hakim Negara) melalui pendapatnya bahawa proses pengeluaran Sijil *Farāid* tersebut tidak dilaksanakan dengan wajar. Ini adalah kerana beliau berpendapat bahawa Mahkamah Syariah hanya berpandukan kepada fakta yang dikemukakan oleh pemohon dalam menentukan waris dan bahagian mereka.<sup>49</sup> Beliau telah membuat kenyataan seperti berikut:

*Unfortunately, until now, there is no proper procedure for such a reference. Requests are made by letter, stating the names of the beneficiaries and their relationship to the deceased, sometimes by the land administrator, and sometimes by the solicitor acting for the beneficiary. The Syariah Court relies on the facts stated by the applicant, which are not even under oath, and calculates the share each beneficiary is entitled to. It is done administratively. He then issues the certificate. I think the procedure is not satisfactory. The facts submitted to him may not be true or only partly true. As I have said earlier, the claim by one male descendent whose family tree consists of one male descendent each generation for four generations was also backed by a 'sijil faraid'. Clearly the beneficiary, if he was really one, was not telling the whole truth.*

Pendapat Yang Arif hakim ini ada kebenarannya, kerana jika dilihat daripada peruntukan Perakuan Pewarisan yang dikodifikasikan melalui statut negeri di negara ini adalah seperti berikut:

Mahkamah Syariah bolehlah, atas permohonan mana-mana orang yang menuntut bahawa dia menjadi benefisiari, atau wakilnya dan setelah dibayar olehnya fee yang ditetapkan, memperakukan fakta-fakta yang didapati olehnya dan pendapatnya mengenai orang-orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu dan mengenai bahagian-bahagian yang padanya mereka masing-masing berhak.<sup>50</sup>

Jika dirujuk kepada ayat '... memperakukan fakta-fakta yang didapati olehnya...' di dalam seksyen ini menunjukkan bahawa fakta yang dikemukakan oleh waris yang menuntut diambil secara bulat-bulat tanpa dibuat penyiasatan tentang kebenarannya. Justeru itu, terdapat kemungkinan di mana fakta-fakta yang dikemukakan tidak benar dan tidak tepat. Wujud kemungkinan terdapat ahli waris yang berhak terhadap harta tersebut tetapi tidak dimasukkan namanya sebagai senarai nama pewaris atau lebih sinonim dengan ungkapan 'sembunyi waris'. Selain daripada itu, prosedur untuk pemeriksaan yang jelas seperti perbicaraan pusaka di Pejabat Tanah dan Galian juga tidak dijalankan. Ini akan mengakibatkan ketidakadilan dalam agihan



harta yang ditentukan oleh pihak hakim dan jelas mewujudkan ruang dan peluang perbalahan di antara adik beradik dan saudara mara. Sehubungan itu, sebagai seorang hakim yang berpengalaman luas dalam pelbagai bidang, YAA Dato' Abdul Hamid Mohammad telah mencadangkan bahawa:

*I am of the view that there should be procedure for a formal application, somewhat similar to the application made by land administrators in land acquisition cases to the High Court whether to deposit the award money into court or to get it paid out to the rightful person. The application should be supported by affidavits. Sufficient notice should be given to interested parties. Opportunity for them to intervene, if they want to, should be made available. This is to ensure that no beneficiaries are excluded, intentionally or otherwise, and that they get their rightful share. Even God's law, if not properly administered, will lead to injustice.<sup>51</sup>*

Ini bermakna, prosedur bagi membuat permohonan Sijil *Farāid* mengikut pendapat beliau mestilah dibuat secara rasmi sepertimana permohonan yang dibuat oleh Pentadbir Tanah di dalam kes pengambilan tanah iaitu di Mahkamah Tinggi dan disokong dengan affidavit serta notis. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada waris-waris yang tidak dinamakan tetapi berhak terhadap harta tersebut mendapatkan hak dan bahagian mereka.

Kelemahan prosedur dalam perletakan nama waris dalam permohonan pembahagian harta pusaka dapat diperhatikan di dalam kes *Ahmad Abd Majeed lwn Habibah Abdul Majid dan satu lagi*,<sup>52</sup> di mana plaintif anak lelaki tunggal dalam keluarga telah membuat permohonan kepada mahkamah supaya namanya dimasukkan sebagai salah seorang waris yang sah dan mendapat pembahagian ke atas tanah milik bapanya, iaitu si mati. Menurut plaintif, setelah membuat carian di Pejabat Tanah Daerah Gombak, dia mendapati bahawa defendan-defendan iaitu dua orang adik perempuannya telah membuat satu permohonan untuk pembahagian harta pusaka si mati tanpa pengetahuannya. Oleh yang demikian, plaintif mendakwa bahawa perintah Pembahagian Harta Pusaka si mati yang telah dikeluarkan adalah tidak sah kerana menyalahi peruntukan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Akta ini memperuntukkan antara lain bahawa, pemohon perlu menyenaraikan di dalam borang semua waris ke atas harta pusaka sama ada terdapat persetujuan penolakan hak ataupun tidak.

Di dalam kes *Hamzah bin Abu Bakar dan 6 Yang Lain lwn Salim bin Sulong dan Seorang Lagi*<sup>53</sup> Plaintif-plaintif di dalam kes ini adalah merupakan cucu dan cicit kepada Sulong bin Kadir iaitu si mati yang telah meninggal dunia pada 22 Oktober 1956. Manakala defendan-defendan merupakan anak kandung si mati. Plaintif-plaintif di dalam kes ini membuat tuntutan di Mahkamah Tinggi Syariah, Kuala Terengganu supaya pembahagian harta pusaka si mati dibicarakan semula di Mahkamah Syariah. Mereka mendakwa bahawa defendan-defendan telah menyembunyikan fakta sebenar mengenai waris-waris dan tidak memaklumkan kepada plaintif-plaintif tentang adanya permohonan dan perbicaraan pembahagian harta pusaka yang dibuat oleh defendan terhadap si mati.

Mahkamah Syariah berpendapat bahawa ia mempunyai bidang kuasa di bawah Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

Seksyen 11 (3)(B)(viii) dan (ix) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 telah memperuntukkan bahawa :-

*Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah:*

*b) Dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan:*

*viii) Pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat.*

*ix) Penentuan orang-orang yang berhak kepada pembahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak.*

Peruntukan di atas adalah cukup luas dan mencakupi bidang kuasa mahkamah ini untuk membetulkan apa-apa penyelewengan yang melibatkan pewarisan dan pembahagian harta pusaka. Oleh yang demikian, penafsiran adalah perlu ke arah memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk membetulkan apa-apa penyelewengan dalam pembahagian harta pusaka. Adalah juga dihujahkan bahawa perkataan ‘...berhubung dengan...’ yang terdapat pada seksyen 11(3)(b) memberi makna yang luas iaitu apa-apa sahaja yang berhubung kait atau berkenaan dengan pembahagian dan pewarisan. Oleh itu penyelewengan mengenai pembahagian dan pewarisan adalah perkara yang berhubung dengan pembahagian dan pewarisan harta pusaka yang mana mahkamah ini ada bidang kuasa ke atasnya. Justeru itu, mahkamah telah menolak bantahan awal daripada pihak defendan yang menafikan bidang kuasa Mahkamah Syariah serta memerintahkan kes tersebut dibicarakan.

Kes-kes di atas pada hakikatnya telah menggambarkan bahawa proses penyenaian nama ahli waris tidak dilaksanakan secara berkesan sehingga menyebabkan ketidakadilan kepada waris tertentu. Ini jelas dikuatkan dengan hujah seperti yang telah disuarakan oleh YA Dato’ Abdul Hamid Mohammad yang mengistilahkan prosedur yang dibuat sebagai ‘tidak wajar’.<sup>54</sup> Pendapat ini disokong kuat oleh seorang penulis yang juga seorang pengamal undang-undang<sup>55</sup> yang berkesempatan melihat sendiri satu kes yang diputuskan di Mahkamah Tinggi tetapi tidak dilaporkan (*unreported*) di mana suatu Sijil *Farāid* mempunyai fakta tidak benar telah digunakan bagi menyokong permohonan penjualan aset pusaka.

## **IMPLIKASI KEGAGALAN DAN KELEWATAN PENGAGIHAN HARTA PUSAKA**

Fenomena kelewatan penyelesaian pembahagian harta pusaka ini bukannya sesuatu perkara yang asing dan baru terjadi dalam masyarakat kita terutamanya bagi harta tak alih seperti tanah, lantas menimbulkan masalah untuk membangunkan harta tersebut. Bagi perspektif pembangunan tanah pusaka, terdapat dua kategori tanah pusaka iaitu tanah pusaka yang belum diselesaikan pembahagian pusaka dan tanah pusaka yang telah selesai diturun milik kepada waris-waris. Gambaran yang dapat dilihat daripada kegagalan penyelesaian ini boleh mengundang pelbagai implikasi buruk dari sudut undang-undang, ekonomi negara, hukum agama dan pandangan negatif masyarakat kepada kaum Melayu.

#### a) Implikasi undang-undang

Meninjau dari sudut undang-undang, Kanun Tanah Negara 1965 sebagai satu sumber perundangan tanah negara, telah lama mewujudkan peruntukan dalam membendung isu kelewatan serta kegagalan pembahagian tanah pusaka ini. Ini adalah seperti yang jelas terkandung dalam seksyen 100, 351 dan 352. Di bawah peruntukan seksyen 351 dan 352 KTN, suatu tindakan pengembalian hak (*reversion*) boleh dilaksanakan terhadap mana-mana tanah yang tiada permohonan pembahagian harta pusaka dibuat. Di samping itu, kegagalan pengagihan harta pusaka boleh mengakibatkan waris-waris bertindak untuk tidak membayar cukai tanah peninggalan tersebut. Akibatnya, tindakan perlucutan hak pemilikan (*forfeiture*) di bawah Seksyen 100 KTN boleh dikenakan terhadap tanah tersebut.<sup>56</sup> Walaupun secara asasnya pelaksanaan kepada peruntukan ini jarang dilakukan, namun waris-waris sebenarnya perlu lebih peka dan prihatin terhadap hak mereka supaya mereka tidak akan kehilangan terus harta warisan yang boleh dimanfaatkan dan sekaligus mampu menjadi sumber pemangkin kepada ekonomi negara.

Selain daripada itu, Kanun Tanah Negara juga ada menyediakan peruntukan bagi menangani masalah kelewatan membangunkan tanah pusaka di bawah kategori tanah bermilik (*alienated land*). Seksyen 116(1)(a) menyebut bahawa hendaklah dalam masa dua tahun dari tarikh bermilik, dibina di atasnya sebuah bangunan yang sesuai. Seksyen 117 menyebut bahawa jika mana-mana tanah bermilik yang tertakluk oleh mana-mana peruntukan Akta ini kepada jenis 'perindustrian', perindustrian hendaklah dimulakan dalam masa tiga tahun daripada tarikh berkenaan. Mengikut peruntukan Kanun Tanah Negara ini, jika syarat-syarat tempoh masa ini tidak dipatuhi, tindakan ke atas pemilikan tanah boleh diambil. Di bawah penguatkuasaan syarat-syarat, seksyen 125 boleh digunakan apabila sesuatu pelanggaran syarat berbangkit. Seksyen 125(1) menyebut bahawa suatu pelanggaran syarat yang mengkehendaki pelaksanaan berterusan akan berbangkit sebaik sahaja dan terus selama mana syarat itu tidak dipatuhi. Seksyen 127(1)(a) pula menyebut bahawa apabila apa-apa pelanggaran berbangkit daripada apa-apa syarat yang mana-mana tanah bermilik pada masalah itu tertakluk, maka tanah itu hendaklah boleh dibuat penyitaan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Tindakan untuk menguatkuasakan penyitaan ini kerana pelanggaran syarat adalah mengikut peruntukan seksyen 129.<sup>57</sup>

Walaupun pemakaian peruntukan-peruntukan di atas adalah bersifat umum dan luas serta bukan dibuat secara khusus bertujuan untuk menangani masalah kegagalan membangunkan mana-mana tanah tertentu, namun aplikasi seksyen tersebut boleh digunapakai pada mana-mana tanah bermilik yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan termasuk bagi tanah pusaka. Justeru itu, dalam konsep perbincangan ini, mana-mana tanah pusaka yang tidak dapat dibangunkan oleh sebab hakmiliknya masih didaftarkan di bawah nama si mati, seksyen tersebut boleh dipakai seterusnya memberikan hak kepada Pentadbir Tanah membuat siasatan dan membuat suatu perintah mengisytiharkan tanah tersebut dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

#### b) Implikasi dari sudut ekonomi

Selain daripada kesan perundangan, kegagalan dan kelewatan pembahagian harta pusaka secara *farāid* juga boleh memberi impak yang besar dari sudut ekonomi negara dan masyarakat. Kelewatan menyelesaikan pembahagian harta pusaka telah menyebabkan sebahagian besar

tanah-tanah pertanian yang mampu menghasilkan pulangan yang lumayan jika diusahakan terbiar begitu sahaja. Sebagai contoh, di Muar sahaja sekurang-kurangnya 20 hak milik tanah pusaka membabitkan kawasan seluas kira-kira 30 hektar di sekitar Kampung Parit Raja, Gersik, belum dibuat penyelesaian pusaka oleh waris yang berhak. Pengabaian dan kelewatan menyelesaikan pembahagian harta pusaka itu mengakibatkan sebahagian besar tanah pertanian di kampung berkenaan kini terbiar dan menjadi sarang haiwan liar termasuk monyet dan babi hutan.<sup>58</sup>

Selain daripada itu, tanah-tanah yang mempunyai nilai komersial yang tinggi juga tidak dapat dimajukan oleh kerana masalah kegagalan pengagihan pusaka seperti yang dapat kita perhatikan di kawasan-kawasan seperti Kampung Haji Abdullah Hukum, Kampung Baru, Kampung Datuk Keramat, Kampung Batu Muda, Kampung Pandan, Kampung Kerinchi, Sungai Penchala dan Ulu Klang.<sup>59</sup> Kampung Baru,<sup>60</sup> misalnya, yang merupakan Tanah Rizab Melayu seluas 100 hektar yang terletak di kawasan 'Segi Tiga Emas' dan dimiliki kira-kira 2,600 orang Melayu adalah hartanah kepunyaan orang Melayu yang terbesar dan termahal di negara ini. Perkampungan di tengah ibu kota ini masih lagi ketinggalan, mundur dari segi pembangunan, sesak, tidak teratur dan tidak dapat dimajukan disebabkan sebahagian besarnya kerana masalah tuntutan bertindih.<sup>61</sup>

Bagi tujuan pembangunan tanah pusaka yang belum diselesaikan proses pembahagiannya, terdapat beberapa masalah yang mungkin timbul serta boleh menjejaskan masyarakat dari sudut ekonomi. Umpamanya, usaha bagi pembangunan oleh individu yang ingin dibuat secara persendirian akan menimbulkan beberapa kesulitan antaranya kegagalan untuk mendapatkan pembiayaan dari pihak bank atau institusi kewangan. Ini berikutan daripada kegagalan untuk mendapatkan hakmilik ke atas sesebuah tanah yang dipusakai kerana hakmilik masih lagi didaftarkan di bawah nama si mati. Sebagai natijahnya, ini akan mengakibatkan tanah tersebut tidak dapat digadai atau dicagarkan kepada pihak bank seterusnya menafikan kemudahan kredit yang mungkin dapat diperolehi bagi kegunaan sebagai modal membangunkan sesebuah tanah. Selain daripada itu, pembangunan kekal atau jangka panjang juga tidak dapat dilakukan memandangkan tiada kasahihan dalam pemilikan tanah.

Melihat kepada perspektif pembangunan tanah yang telah selesai diturunkan hakmilik kepada waris pula, wujud masalah dari sudut pembangunan yang ingin dilakukan kerana pembahagian secara *farāid* kebiasaannya akan mengakibatkan kepada pemecahan hakmilik yang kecil. Kesukaran timbul berikutan faktor keperluan kepada persetujuan kesemua waris dalam pembangunan atau urusanniaga yang dirancang terhadap sesebuah tanah kerana terdapat kemungkinan waris-waris di dalam hakmilik yang sama tidak memberi kata sepakat. Perkara ini akhirnya menyukarkan serta menjejaskan usaha pembangunan tanah dibuat.

### c) Implikasi dari segi Islam

Meninjau dari perspektif kaca mata Islam pula, tuntutan menyegerakan pembahagian harta pusaka didorong oleh alasan yang kuat dan berasas. Pengabaian dan kelewatan penyelesaian harta pusaka ini sebenarnya mengundang banyak keburukan dari segi hukum Islam. Ini adalah kerana kesan daripada pelanggaran saranan Islam ini boleh mendedahkan kita kepada fenomena termakan harta secara tidak sah dan salah (*bātil*). Selain daripada itu, ia adalah bagi mengelakkan

kita daripada termakan harta yang dikategorikan sebagai harta anak yatim<sup>62</sup> sepertimana yang ditegah dalam al-Qur'an yang bermaksud:

al-Qur'an, an-Nisaa' 4:6

Maksudnya:

...dan janganlah kamu makan harta anak-anak yatim itu secara yang melampaui batas dan secara terburu-buru merebut peluang sebelum mereka dewasa.

Bagi mengelakkan daripada memperolehi atau menggunakan harta secara tidak sah, harta-harta pusaka perlu diagih-agihkan dengan segera kepada waris-waris yang berhak. Ini adalah kerana dikhuatiri harta pusaka yang tidak dibahagikan akan menjadikannya hakmilik yang bercampur-campur dan sukar diketahui bahagian masing-masing. Ini mungkin akan mengundang keburukan jika tanpa disedari ada di antara waris yang kerana kurang kefahaman atau secara tidak sengaja termakan harta yang bukan menjadi hak dan bahagiannya. Sebagai contoh, mungkin menjadi sesuatu yang tidak menjanggalkan jika seseorang waris yang menguruskan harta-harta peninggalan si mati yang belum diagihkan memakan hasil tanaman atau menggunakan wang hasil daripada sewa rumah di atas tanah pusaka tanpa keizinan daripada waris-waris yang lain sedangkan harta tersebut sepatutnya menjadi hakmilik bersama waris-waris yang lain dengan jumlah bahagian yang tertentu.

#### d) Tanggapan sosial

Selain itu, kewujudan pemandangan tanah-tanah yang tidak dapat dimajukan akibat pengabaian pewarisan harta di kalangan orang Melayu seringkali menimbulkan tanggapan negatif masyarakat daripada bangsa lain. Bangsa Melayu dilihat kurang mempunyai keupayaan sendiri untuk memajukan tanah-tanah terbiar ini, walaupun penyebab utama kegagalan mengusahakan tanah-tanah tersebut adalah kerana hakmilik tanah-tanah tersebut masih lagi didaftarkan di atas nama orang yang telah lama meninggal dunia. Berikutan perkara ini, tiada waris yang berani dan mahu bertanggungjawab untuk memajukan tanah tersebut kerana ia masih belum diagihkan dan justeru itu perlu dikongsi bersama. Akibatnya, tanah pusaka yang boleh dijadikan modal untuk menjana kekayaan dan kesenangan kepada setiap ahli keluarga tidak dapat dimanfaatkan sebaiknya. Sebagai bukti, di tengah-tengah deretan bangunan tinggi pencakar langit di Jalan Ampang, Jalan Tun Dr. Ismail, Jalan Tunku Abdul Rahman dan Jalan Tun Razak, masih wujud kelompok rumah-rumah papan setingkat berciri binaan Melayu, usang dan tidak terpelihara serta terbiar sepi begitu sahaja<sup>63</sup> kesan daripada permasalahan yang timbul. Lebih mendukacitakan lagi bilamana hartanah milik masyarakat Melayu yang sebahagian daripadanya mencecah nilai jutaan ringgit tidak dirasakan mempunyai apa-apa keistimewaan dan faedah kepada pewaris. Tabiat 'tidak mengapa' yang masih belum terhakis dalam masyarakat Melayu telah mengakibatkan tanah pusaka terus dibazirkan tanpa sebarang hasil walaupun tanah-tanah tersebut sebenarnya berkeupayaan menghasilkan pendapatan dan kekayaan yang berpanjangan. Sehubungan itu, urusan pembahagian harta pusaka sepatutnya diselesaikan segera bagi mencapai matlamat pembangunan untuk kesejahteraan dan keuntungan keluarga yang ditinggalkan si mati.

## PENUTUP

Kewajipan merancang pengurusan harta seharusnya perlu dibuat dengan bijak dan teliti kerana harta merupakan salah satu aspek penting dalam kehidupan. Ia merupakan salah satu daripada lima objektif undang-undang Islam. Sehubungan itu, dalam meneruskan kelangsungan hidup ini, perancangan pengagihan harta amat penting dan harus diberi penekanan. Amalan yang dinamakan sebagai perancangan pengurusan harta ini bukan hanya sekadar mengumpul, mengurus, membangunkan dan melindungi harta semata-mata, sebaliknya harta dan kekayaan yang dimiliki harus dipastikan dapat diwarisi dengan sebaik-baiknya tanpa menimbulkan kesulitan dan kesusahan kepada waris yang layak menerimanya. Justeru itu, memandangkan pengagihan secara *farāid* boleh mendatangkan masalah yang agak merugikan pewaris, persediaan merancang pengagihan harta semasa hidup melalui konsep *hibah* dan wasiat perlulah dipraktikkan. Proses penyusunan penurunan harta yang sempurna melalui cara ini bukan sahaja akan dapat memberi kebaikan kerana mampu memperkembangkan ekonomi masyarakat dan negara, malah turut dapat memastikan harta yang diusahakan dengan jerit perih semasa hidup tidak akan menjadi bahan pertelingkahan di antara kaum keluarga. Penyusunan penurunan harta yang sempurna ini yang seterusnya bertujuan bagi menjamin kesejahteraan kehidupan waris-warisi ini adalah amat perlu, kerana Islam amat menitik beratkan masa depan waris yang ditinggalkan agar kehidupan mereka tidak susah dan daif sepertimana yang disarankan yang dibuat dalam firmanNya yang berbunyi:

al-Qur'an, an-Nisā' 4:9

Maksudnya:

Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim) oleh orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka (tentulah) mereka akan berasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka.

Sebagai rumusannya, memandangkan *hibah* dan wasiat merupakan cara yang amat berkesan untuk mengagihkan harta kepada ahli keluarga atau sesiapa yang dikehendaki, maka penulis percaya bahawa amalan ini seharusnya dipraktikkan kerana ia mampu memberi kebaikan kepada sistem pengurusan harta bagi orang Islam di Malaysia. Melihat dari aspek pengagihan harta secara *hibah* di mana ia adalah merupakan pemberian semasa hidup pula, masalah birokrasi pentadbiran sepertimana yang dihadapi dalam proses penyelesaian harta pusaka melalui sistem *farāid* juga akan dapat dielakkan.

---

<sup>1</sup> Norlizah Abas. 2006. 38b tidak dituntut. *Berita Harian*, 4 Julai: 1.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Rejal Arbee. 2007. Mengapakah RM40 bilion Harta Pusaka Tidak Diwasiatkan? *Dewan Masyarakat*, Julai: 36.

<sup>4</sup> Ibid.

---

<sup>5</sup>Anon. Firma bangun pangkalan data jejak waris. 2010. Berita Harian, 5 Ogos: 6. Rujuk juga temuramah dengan Datuk Khairul Anuar Rahmat bertajuk Perkhidmatan 'Jejak Waris' Untuk Cairkan RM40 Bilion Aset Beku Kini Dilancarkan' dalam rancangan Wanita Hari Ini, Rabu, 4 Ogos 2010.

<sup>6</sup> Lihat pendapat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Nazri Aziz dalam artikel 'Rm40b harta tak dituntut'. 2007. *Harian Metro*, 11 Julai.

<sup>7</sup> Malaysia. 2006. Perbahasan Dewan Rakyat Kesebelas, Penggal Ketiga, Mesyuarat Pertama, 19 April 2006 (Ismail b. Mohamed Said).

<sup>8</sup> Anon. RM 471 Juta Harta Pusaka Masih Gagal Diagih. 2005. *Utusan Malaysia*, 30 September.

<sup>9</sup> Rejal Arbee. 2007. Mengapakah RM40 bilion Harta Pusaka Tidak Diwasiatkan? *Dewan Masyarakat*, Julai: 36.

<sup>10</sup> Pensyariatan *farāid* ini ditentukan berdasarkan kepada suatu peristiwa yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w :

Jabir bin Abdullah meriwayatkan bahawa dia sedang bersama Rasulullah s.a. w apabila seorang perempuan Ansar datang bersama dua orang anak perempuannya. Perempuan itu berkata "Ya Rasulullah, ini adalah anak Thabit bin Qais yang telah mati syahid dalam Perang Uhud. Bapa saudara mereka telah mengambil semua harta pusaka mereka dan kini tiada apa yang tinggal lagi untuk mereka." Rasulullah bersabda maksudnya Allah s.w.t akan menentukan perkara ini. Kemudian surah An-Nisaa' telah diwahyukan. Rasulullah telah memanggil perempuan itu dan abang iparnya. Beliau berkata kepada abang ipar perempuan itu, "Berikan kepada anak-anak perempuan itu dua pertiga, dan kepada ibunya satu perlatan dan bakinya adalah untukmu".

<sup>11</sup> Malaysia. 2006. Perbahasan Dewan Rakyat Kesebelas, Penggal Ketiga, Mesyuarat Pertama, 19 April 2006 (Ismail b. Mohamed Said). Lihat juga Radhuan Hussain. 50 tahun baru selesai kes tuntutan harta pusaka. 2005. *Utusan Malaysia*, 18 Ogos.

<sup>12</sup> Rejal Arbee. 2007. Mengapakah RM40 bilion Harta Pusaka Tidak Diwasiatkan? *Dewan Masyarakat*, Julai: 36.

<sup>13</sup> Othman Yaacob. 2006. Pembentukan Trust Hibah Sebagai Alternatif Perancangan Harta. Dlm. Siti Mashitoh Mahamood (pnyt.). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran*, hlm. 174-175. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

<sup>14</sup> Abdullah b. Muhamad. 2005. Pusaka Kecil: Penyelesaian Berkesan Ke Arah Kesejahteraan Keluarga dan Masyarakat. Kertas Kerja Seminar Penyelesaian Pusaka Kecil Bagi Penghulu/Pengguna. Anjuran Institut Tanah dan Ukur Negara.

<sup>15</sup> Ibid.

<sup>16</sup> Abdullah b. Muhamad. 2006. Isu-isu dan Masalah-masalah dalam Pengurusan Pembahagian Pusaka Kecil. Dlm. Zamzuri Zakaria, Siti Zalikah Md Nor, Mat Noor Mat Zain, Mohd Zamro Muda, Md. Yazid Ahmad, Mohammad Zaini Yahaya (pnyt.). *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, hlm. 28.

<sup>17</sup> Wan Abdul Halim bin Wan Harun. 2003. Kertas Kerja Permohonan Harta Pusaka Kecil : Tanggungjawab Waris dan Peranan Penghulu. *Seminar Pentadbiran dan Perundangan Tanah Untuk Pegawai Daerah/Pentadbir Tanah Semenanjung Malaysia*. Anjuran Institut Tanah dan Ukur Negara.

<sup>18</sup> Abdul Hamid bin Haji Mohamad. 2002. Administration of Property in Malaysia: A Civil law and Syariah law Perspective 3 *MLJ* : i; 3 *MLJA* :1.

---

<sup>19</sup> Abdullah b. Muhamad. 2006. Isu-isu dan Masalah-masalah dalam Pengurusan Pembahagian Pusaka Kecil. Dlm. Zamzuri Zakaria, Siti Zalikah Md Nor, Mat Noor Mat Zain, Mohd Zamro Muda, Md. Yazid Ahmad, Mohammad Zaini Yahaya (pnyt.). *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, hlm. 28.

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> Ibid.

<sup>22</sup> Ibid. Hlm 29.

<sup>23</sup> Mohd. Ridzuan Awang. 1999. *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>24</sup> Ibid.

<sup>25</sup> Ibid.

<sup>26</sup> Lihat seksyen 348 Kanun Tanah Negara 1965.

<sup>27</sup> Mohd. Ridzuan Awang. 1999. *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>28</sup> Ahmad Hidayat Buang. 2000. *Bagaimana pusaka diagihkan?*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>29</sup> Allah menetapkan ibu dan bapa si mati memperoleh 1/6 bahagian daripada harta yang ditinggalkan anaknya. Sementara itu, Allah menetapkan suami mendapat 1/4 bahagian daripada harta peninggalan isteri. Rujuk dalam ayat al-Qur'an, Surah An-Nisaa': 4, ayat 11 dan 12.

<sup>30</sup> Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang. 2006. *Undang-undang Pusaka Islam: Pelaksanaanya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Syarikat Percetakan Putrajaya Sdn Bhd.

<sup>31</sup> Lihat Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Akta ini telah dipinda dan berkuatkuasa pada 1 September 2009.

<sup>32</sup> Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang. 2006. *Undang-undang Pusaka Islam: Pelaksanaanya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Syarikat Percetakan Putrajaya Sdn Bhd.

<sup>33</sup> Ibid.

<sup>34</sup> Perdana Menteri Datuk Sri Najib Tun Razak telah mengakui bahawa terdapat kawasan pedalaman terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak yang masih tidak mendapat bekalan elektrik dan seterusnya menjadi halangan kepada mereka untuk mengetahui perkembangan negara serta mendapat informasi-informasi lain melalui siaran radio dan televisyen. Lihat Azman Anuar. Terangilah Kehidupan Rakyat di Pedalaman. 2010. *Utusan Melayu*, 15 Mac: 13.

<sup>35</sup> Lihat seperti kes *Jumaaton dan Raja Delila lwn Raja Hizaruddin* (1998) Jld XII Bhg II; Jurnal Hukum, hlm 201.

<sup>36</sup> Abdullah b. Muhamad. 2005. Pusaka Kecil: Penyelesaian Berkesan Ke Arah Kesejahteraan Keluarga dan Masyarakat. Kertas Kerja Seminar Penyelesaian Pusaka Kecil Bagi Penghulu/Penggawa. Anjuran Institut Tanah dan Ukur Negara.



- 
- <sup>37</sup> Ibid.
- <sup>38</sup> Anon. RM471 Juta Harta Pusaka Masah Gagal Diagih. 2005. *Utusan Malaysia*, 30 September.
- <sup>39</sup> Lihat teks ucapan Datuk Dusuki Ahmad, Pengerusi ARB, yang dibacakan oleh Pengurus Besar Jualan dan Pemasaran ARB pada Seminar Pengurusan Harta dan Pusaka Peringkat Negeri Pahang di Wisma Belia Indera Mahkota pada 29 September 2005.
- <sup>40</sup> Lihat Radhuan Hussain. 50 Tahun Baru Selesai Kes Tuntutan Tanah Pusaka. 2005. *Utusan Malaysia*, 18 Ogos: 1.
- <sup>41</sup> Lihat Habsah Bakar. 2006. Pengalaman Amanah Raya Berhad (ARB) dalam Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam. Dlm. Siti Mashitoh Mahamood (pnyt.). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran*, hlm. 143. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- <sup>42</sup> Ibid.
- <sup>43</sup> Ibid.
- <sup>44</sup> Othman Yaacob. 2006. Pembentukan Trust Hibah Sebagai Alternatif Perancangan Harta. Dlm. Siti Mashitoh Mahamood (pnyt.). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran*, hlm. 174-175. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- <sup>45</sup> Jika dirujuk kepada *asbāb al nuzul* ayat *al-mawāriṭh* pembahagian pusaka ditentukan untuk mengelakkan ketidakadilan yang berlaku dalam masyarakat. Ia boleh dilihat daripada hadis riwayat Jābir bin Abdullah.
- <sup>46</sup> Abdul Hamid bin Haji Mohamad. 2002. Administration of Property in Malaysia: A Civil law and Syariah law Perspective 3 *MLJ* : i; 3 *MLJA* :1.
- <sup>47</sup> Siti Mashitoh Mahamood. 2006. Bidang Kuasa Pentadbiran Harta Pusaka di Malaysia: Perspektif Perundangan Syariah dan Sivil. Dlm. Siti Mashitoh Mahamood (pnyt.). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran*, hlm. 113. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- <sup>48</sup> Ibid.
- <sup>49</sup> Abdul Hamid bin Haji Mohamad. 2002. Administration of Property in Malaysia: A Civil law and Syariah law Perspective 3 *MLJ* : i; 3 *MLJA* :1.
- <sup>50</sup> Seksyen 50 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan 1993 (Akta 505).
- <sup>51</sup> Abdul Hamid Mohamad, 'Administration of Property in Malaysia: A Civil and Syariah Law Perspective', (2002) 3 *MLJ* 1; (2002) 3 *MLJA* 1.
- <sup>52</sup> [2007] 3 *MLJ* 418.
- <sup>53</sup> Kes Mal No: 11200-040-0117-2004.
- <sup>54</sup> Lihat Abdul Hamid Mohamad, 'Administration of Property in Malaysia: A Civil and Syariah Law Perspective', (2002) 3 *MLJ* 1; (2002) 3 *MLJA* 1.
- <sup>55</sup> Lihat Pawancheek Marican. 2004. *Islamic Inheritance Laws in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malaysian Law Journal.
- <sup>56</sup> Lihat kes *UMBC lwn Pemungut Hasil Tanah Kota Tinggi* [1984] 2 *MLJ* 87, P.Council. Lihat Salleh Buang. 1998. The Law of Real Property in Malaysia: Prospects for Islamization. *IIUM Journal* (1998) Vol. 1(1): 83.

---

<sup>57</sup> Peruntukan seksyen 125, 127 dan 129 Kanun Tanah Negara ini adalah menyamai syarat-syarat pembangunan tanah dalam Islam di mana pemerintah diberikankuasa melucutkan hak pemilikan jika berlaku pelanggaran syarat umpamanya keengganan atau kegagalan membayar sewa atau cukai (*kharāj*) atau *‘usyūr*. Perlucutan hak juga boleh dikenakan jika pemilik gagal mengusahakan tanah tanpa sesuatu sebab yang munasabah.

<sup>58</sup> Anon. 30 hektar tanah pusaka terbiar jadi sarang monyet. 2003. *Berita Harian*, 25 April.

<sup>59</sup> Abdullah b. Muhamad. 2006. Isu-isu dan Masalah-masalah dalam Pengurusan Pembahagian Pusaka Kecil. Dlm. Zamzuri Zakaria, Siti Zalikah Md Nor, Mat Noor Mat Zain, Mohd Zamro Muda, Md. Yazid Ahmad, Mohammad Zaini Yahaya (pnyt.). *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, hlm. 28.

<sup>60</sup> Anon. Mengekalkan identiti Melayu Kampung Baru. 1999. *Utusan Malaysia*, 20 April.

<sup>61</sup> Ibid.

<sup>62</sup> Wan Abdul Halim Bin Wan Harun. 2005. Permohonan Harta Pusaka Kecil: Tanggungjawab Waris dan Peranan Penghulu. Kertas Kerja *Seminar Penyelesaian Pusaka Kecil bagi Penghulu/Penggawa*. Anjuran Institut Tanah dan Ukur Negara.

<sup>63</sup> Abdullah b. Muhamad. 2005. Pusaka Kecil: Penyelesaian Berkesan Ke Arah Kesejahteraan Keluarga dan Masyarakat. Kertas Kerja *Seminar Penyelesaian Pusaka Kecil Bagi Penghulu/Penggawa*. Anjuran Institut Tanah dan Ukur Negara.